

[Home](#) / [2025](#) / [October](#) /

UiTM Cawangan Pahang dan SMK Desa Jaya Jayakan Program USR “Gempur Jaya SPM 2025”

## SINERGI

31/10/2025 / ILYANI AZER



**BANDAR PUSAT JENGA, 17 Oktober 2025** — Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pahang Kampus Jengka dengan kerjasama Persatuan Iubapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Desa Jaya telah berjaya menganjurkan Program University Social Responsibility (USR) bertemakan “*Gempur Jaya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025*”. Program ini bertujuan untuk meningkatkan keyakinan diri dan motivasi para calon SPM dalam menghadapi peperiksaan yang bakal berlangsung tidak lama lagi.

Program intensif selama lima hari, bermula dari 13 hingga 17 Oktober 2025, telah melibatkan penyertaan seramai **48 orang calon SPM, 20 orang pensyarah UiTM, dan 25 orang guru SMK Desa Jaya**. Sepanjang program ini, pelbagai aktiviti telah dijalankan termasuk sesi motivasi,

pengukuhan mata pelajaran oleh pensyarah dan guru, serta sidang pleno bersama pelajar. Pendekatan ini dirangka bagi memastikan pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran menjawab pelbagai bentuk soalan dengan lebih berkesan, sekali gus membentuk pelajar yang berfikiran positif, kreatif, kritis dan proaktif.



Majlis penutup program telah dirasmikan oleh **Dr. Nurul Diyana Binti Sanuddin**, Koordinator Jaringan Industri, Kerajaan, Komuniti dan Alumni (ICAN), UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka. Turut menyampaikan ucapan penutup ialah **Encik Aswadi bin Mohamed Razali**, Pengetua SMK Desa Jaya, yang menzahirkan penghargaan atas komitmen tinggi pihak universiti dalam menyokong kecemerlangan akademik pelajar sekolah.

Inisiatif ini mencerminkan usaha berterusan UiTM dalam memperkukuh hubungan strategik bersama komuniti setempat serta memperlihatkan peranan institusi pendidikan tinggi dalam membentuk masa depan pelajar. Program ini juga menjadi bukti bahawa kolaborasi antara universiti dan sekolah mampu memberi impak besar dalam menyediakan pelajar yang bersedia secara mental dan akademik untuk menghadapi cabaran peperiksaan SPM.



Tags: [Fakulti Pengurusan dan Perniagaan \(FPP\)](#), [SMK Desa Jaya](#),  
[UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

□ Pelajar UiTM Perak Teroka Dunia  
STEM dan Budaya di Yogyakarta  
melalui Program Summer Camp  
Antarabangsa

FKPM UiTM Melaka Dinobat Rakan  
Kerjasama NTW 2025 Paling □  
Cemerlang di Melaka

## QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)  
[Academic Calendar](#)  
[Intake Calendar](#)  
[Graduate Quick Search](#)  
[Library](#)  
[UiTM Holdings](#)  
[WiFi UiTM](#)  
[E-Complaint](#)

## HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA  
(UiTM)  
40450 Shah Alam, Selangor  
Darul Ehsan  
Malaysia  
  
Tel: +603-5544 2051 / 2000

